

>> BANK SOALAN >>

GEOGRAFI

Tingkatan
2
KSSM

Bahagian A

Bab 3 Pengaruh Pergerakan Bumi terhadap Cuaca dan Iklim

1. Kejadian di bawah dapat dikaitkan dengan

- Siang dan malam
 - Pembiasaan angin lazim

- A** peredaran bumi
B bentuk sfera bumi

C matahari terbit di timur
D putaran bumi pada paksinya

2. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah berkaitan dengan putaran bumi?

A Kejadian empat musim
B Berputar mengelilingi bulan
C Berputar di atas paksinya dari barat ke timur
D Mengambil masa $365\frac{1}{4}$ hari untuk membuat satu pusingan

3. Pernyataan yang manakah betul tentang ekuinoks musim bunga?


A Siang dan malam sama panjang
B Siang lebih panjang daripada malam
C Hemisfera selatan mengalami musim panas
D Matahari tengah hari berada di Garisan Jadi

4. Pilih pernyataan yang betul tentang solstis musim sejuk.

A Berlaku pada 22 Disember
B Matahari tengah malam di Kutub Utara
C Matahari tengah hari tepat di Garisan Sartan
D Hemisfera utara mengalami musim panas

5. Berdasarkan ciri-ciri di bawah, bumi berada pada kedudukan

- Musim panas di hemisfera selatan
 - Malam lebih panjang di hemisfera utara



Rajah 1



Bab 4 Cuaca dan Iklim di Malaysia

6. Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri iklim di Malaysia?
- A Min suhu tahunan 18°C
 - B Panas dan lembap sepanjang tahun
 - C Hujan maksimum pada musim panas
 - D Mengalami satu musim kering yang nyata
7. Apakah ciri-ciri iklim Khatulistiwa di Malaysia?
- I Suhu tinggi dan hampir sekata sepanjang tahun
 - II Suhu tinggi pada awal dan hujung tahun
 - III Julat suhu harian kecil, iaitu $1^{\circ}\text{C} - 2^{\circ}\text{C}$
 - IV Min suhu tahunan tinggi, iaitu 27°C
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
8. Apakah ciri iklim yang menggalakkan penanaman dalam Foto 1 di Cameron Highlands?



Foto 1

- A Suhu sederhana, 18°C hingga 21°C
 - B Musim kemarau yang berpanjangan
 - C Hujan kurang daripada 2 000 mm setahun
 - D Satu musim kering yang nyata dalam setahun
9. Apakah kesan angin X ke kawasan berlorek dalam Peta 1?



Peta 1: Malaysia

- A Banjir besar
- B Kemarau berpanjangan
- C Peningkatan suhu tempatan
- D Pengurangan hujan tahunan

10. Pernyataan di bawah dapat dikaitkan dengan fenomena

- Pembinaan bangunan konkrit
- Permukaan berturap

A hujan asid
B pulau haba

C kemarau
D jerebu

Bab 5 Pengangkutan di Malaysia

11. Namakan lapangan terbang yang bertanda X dalam Peta 2.



Peta 2: Malaysia

- A Lapangan Terbang Antarabangsa Senai
B Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka
C Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching
D Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

12. Maklumat di bawah merujuk sebuah stesen kereta api di Malaysia.

Stesen persimpangan kereta api antara pantai barat dengan pantai timur Semenanjung Malaysia.

Apakah stesen tersebut?

- A Gemas
B Tumpat
C Taiping
D Johor Bahru

13. Apakah tujuan lebuh raya dibina di Malaysia?

- I Menjimatkan masa
II Memendekkan jarak perjalanan
III Mengurangkan kos perjalanan
IV Mengurangkan darjah ketersampaian

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV